

05/07/2002

TPM: Najib terkejut pengumuman Dr M

Norbakti Alias; Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Zainab Mohd Yatim  
ALOR STAR, Khamis - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak mengakui terkejut dengan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyebut mengenai kemungkinan beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Ya, sudah tentu saya terkejut pasal Perdana Menteri cakap cara terbuka," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai persiapan Umno bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di sini, hari ini.

Semalam, ketika berucap pada perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu di pejabatnya di Putrajaya, Dr Mahathir berkata:

"Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan lagi untuk mendapat jawatan itu."

Apabila ditanya sama ada kenyataan Dr Mahathir itu sebagai suatu pengiktirafan terhadapnya, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata:

"Tak tahu nak kata. Kita terima kenyataan Perdana Menteri macam mana biasa kita bagi weightage (pertimbangan) pada kenyataan Perdana Menteri. Itulah saya kira."

Ditanya sama ada beliau sedia memikul tugas itu atau adanya kompromi untuknya memegang jawatan berkenaan, Najib berkata:

"Masanya belum sampai lagi. Setakat ini, biarlah ia cuma berpandukan kepada kenyataan Perdana Menteri."

Dr Mahathir dalam ucapannya semalam juga berkata, keadaan sekarang berbeza berbanding masa lalu apabila ada orang mahu merebut kuasa dengan cara menumbangnya daripada jawatan.

Mengulas perkara itu, Najib berkata hasrat Dr Mahathir adalah untuk tidak melihat sebarang perebutan dan melobi untuk jawatan penting itu.

"Perdana Menteri mahu keadaan tidak berubah dalam masa 16 bulan lagi dan semua ahli dapat bekerja sebagai satu pasukan," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pada masa ini yang pasti Abdullah akan menggantikan Dr Mahathir.

"Bagi jawatan nombor dua, ia adalah 100 peratus kuasa Abdullah kerana sudah menjadi tradisi pilihan sesiapa yang memegang jawatan Perdana Menteri.

"Jadi, tidak patut ada sebarang spekulasi. Tuhan akan menggerakkan hati dia (Abdullah) bagi siapa yang dia nak pilih," katanya.

Beliau juga berkata, tempoh 16 bulan peralihan kepemimpinan tertinggi negara menjadi ujian penting kepada semua peringkat pemimpin dalam kerajaan.

"Dalam tempoh ini, kita akan nampak lagak, gaya dan kelakuan masing-masing. Kita mungkin dapat tengok siapa yang ghairah dan siapa yang tidak. Ini semua satu ujian untuk semua, termasuk saya sendiri.

"Jadi, kita hendaklah lulus ujian ini iaitu ketepikan kepentingan peribadi dan jangan timbulkan sebarang spekulasi negatif terutama bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Hadiah Sastera 2001 Kumpulan Utusan.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata sebagai golongan yang diberi tanggungjawab melaksanakan tugas untuk rakyat, pemimpin hendaklah lebih memikirkan kepentingan parti, bangsa dan agama, daripada cita-cita mereka.

Beliau turut mengingatkan semua pihak supaya menghentikan sebarang

spekulasi yang hanya boleh mendatangkan perasaan tidak tenteram dan ketidaktentuan dalam negara.

"Kadang-kadang bukan calon (pemimpin) yang ghairah tetapi penyokongnya. Inilah yang membawa masalah kerana mereka nak calon mereka naik dan mendapat tempat.

"Sebagai tuan punya badan, lebih baik kita mententeramkan penyokong kita demi kebaikan negara," katanya.

Rafidah berkata, beliau juga menaruh kepercayaan penuh terhadap kepemimpinan Abdullah sebagai pengganti Perdana Menteri selepas Oktober depan.

Katanya, Abdullah mampu mengumpul barisan menteri yang teguh dan padu, seperti Dr Mahathir lakukan dalam melaksanakan segala tugas untuk membangunkan negara.